

06 MAR 1997

Yahaya-Ibu

IBU TAN SRI YAHAYA MENINGGAL

KUALA TERENGGANU, 6 Mac (Bernama) -- Hajah Mandak Omar, 77, ibu Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad, meninggal dunia di sini hari ini, tiga hari selepas nahas helikopter yang membunuh tokoh korporat itu Isnin lepas.

Pengarah Hospital Kuala Terengganu Dr Rashid Che Ali memberitahu pemberita bahawa Mandak menghembuskan nafas terakhir di hospital itu kira-kira pukul 11 pagi ini.

Yang turut berada di sisinya ketika itu ialah abang dan kakak Yahaya, Datuk Sulaiman dan Hajah Fatimah serta anggota keluarga yang lain.

Dr Rashid berkata Hajah Mandak yang menghidap penyakit angin ahmar, dimasukkan ke unit rawatan jantung hospital itu sejak enam hari lepas.

Nahas dekat Kuala Lipis yang meragut nyawa Yahaya dan isterinya Puan Sri Rohana Othman itu berlaku ketika mereka sedang dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke sini untuk melawat Hajah Mandak yang ketika itu sedang sakit.

Juruterbang Mej (B) Azlizan Abdul Manas juga terbunuh dalam nahas itu.

Suasana di rumah Allahyarham di Kampung Kijing, Marang sekat sini amat memilukan apabila anggota keluarga yang masih berdukacita atas kematian Yahaya, menyambut ketibaan jenazah Allahyaram ibunya pula.

Rumah Hajah Mandak terletak tidak jauh dari rumah Yahaya.

Doktor peribadi Yahaya dan keluarga, Datuk Dr Hashim Nik Omar yang juga doktor pakar jantung swasta memberitahu wartawan bahawa Hajah Mandak tidak sedar diri sejak 24 jam lepas sebelum meninggal dunia.

Beliau berkata Allahyarham mengalami masalah tidak dapat makan sejak semalam selain menghidap penyakit radang paru-paru dan angin ahmar sejak 10 tahun lepas.

Dr Hashim berkata semasa hayatnya Yahaya telah meminta beliau merawat dan menjaga ibunya itu dan telah membekalkan segala kemudahan peralatan perubatan untuk merawat ibunya di rumah.

"Selama saya merawat dia, baru sekali Hajah Mandak menjalani pembedahan, di hospital Tawakal, Kuala Lumpur kira-kira 10 tahun lepas," katanya.

Dr Hashim berkata kakak Yahaya, Hajah Fatimah yang juga bekas jururawat turut membantu menjaga Hajah Mandak.

Hajah Fatimah ialah orang yang telah memberitahu mengenai kematian Yahaya kepada ibunya selepas tragedi itu.

Dr Hashim berkata beliau telah menyampaikan berita tentang kematian ibu Yahaya itu kepada Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad melalui setiausaha sulitnya.

Katanya, mayat Allahyarham dikapan, dimandi dan disembahayakan di Marang dan akan dikebumikan di sebelah pusara suaminya, Ahmad Ibrahim, di tanah perkuburan Islam Syed Yahya di Dungun petang ini.

-- BERNAMA

IB NMO